

**SUMBANGAN TUN PERAK DALAM EMPAYAR
MELAKA PADA ABAD KE-15 MASIHI**



LEEZA BINTI JAMJURI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SUMBANGAN TUN PERAK DALAM EMPAYAR
MELAKA PADA ABAD KE-15 MASIHI**

LEEZA BINTI JAMJURI

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
2022**

PENGESAHAN

JUDUL : **SUMBANGAN TUN PERAK DALAM EMPAYAR MELAKA PADA ABAD KE-15 MASIHI**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **LEEZA BINTI JAMJURI** sesi **2021-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagaibahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/


TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,



LEEZA BINTI JAMJURI
BA19110131



(PROFESOR MADYA DR. BILCHER BALA)
PENYELIA

PENAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Sumbangan Tun Perak dalam Empayar Melaka Pada Abad ke-15 Masihi ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



LEEZA BINTI
JAMJURI
BA19110131



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kepada Allah s.w.t., limpah rahmat, kasih sayang dan dengan kurnia Allah s.w.t., maka kajian dan penulisan tesis ini dapat dilengkapkan. Tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan-Nya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada Professor Madya Dr. Bilcher Bala, selaku penyelia saya yang telah banyak membantu saya dalam menghasilkan dan melengkapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada keluarga saya dan rakan-rakan, ribuan terima kasih diucapkan kerana sentiasa memberi sokongan moral sepanjang saya menghasilkan kajian ini.

Leeza Binti Jamjuri

12 Ogos 2022



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai sumbangan Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka. Objektif kajian ini adalah untuk memahami kepimpinan Tun Perak dengan lebih terperinci sebagai Bendahara Melaka yang berjaya mengubah dan memajukan Melaka sehingga beliau dikenali sebagai orang yang bertanggungjawab dalam pencapaian yang cemerlang dalam pembangunan empayar Melaka pada abad ke-15 Masihi. Metodologi yang telah digunakan dalam penyelidikan ini ialah kajian perpustakaan.

Penulisan kajian ini meringkaskan lima bab, dimulai dengan bab pertama merupakan pengenalan kepada kajian ini. Tiga objektif bagi kajian ini pula dibincangkan masing-masing dalam bab kedua, bab ketiga dan bab keempat, manakala bab kelima merupakan kesimpulan bagi kajian ini. Antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam kajian ini adalah mengenai latar belakang Tun Perak yang bermula dari kisah awal kehidupan beliau sehinggalah pelantikan beliau sebagai Bendahara empayar Melaka, mengenai ketokohan Tun Perak sebagai seorang pemimpin yang unggul dalam empayar Melaka dan membincangkan mengenai sosok Tun Perak sebagai penggerak ke arah kemajuan kerajaan Melaka. Secara umumnya, kajian ini membincangkan mengenai sosok Tun Perak yang banyak berjasa sebagai ketua pentadbir selaku Bendahara dalam empayar Melaka sehingga mampu menjadikan Melaka sebagai sebuah empayar yang unggul dan masyhur di dunia pada abad ke-15 M.

Dapatan awal daripada kajian ini menunjukkan bahawa Tun Perak menjadi Bendahara Melaka selama setengah abad lamanya dan di bawah empat pemerintahan sultan. Beliau memegang gelaran sebagai Paduka Raja semasa menjadi Bendahara Melaka. Di era pentadbirannya, beliau berjaya menjadikan Melaka sebagai sebuah empayar yang paling terkenal di dunia pada abad ke-15.

ABSTRACT

The Contribution of Tun Perak in the Empire of Malacca During 15th Century

This research is about the contribution of Tun Perak in the Malacca Malay Sultanate. The objective of this study is to understand Tun Perak's leadership in more detail as the Melaka Bendahara who succeeded in changing and developing Melaka so that he is known as the person responsible for the excellent achievements in the development of the empire of Malacca during 15th century. The methodology that has been used in this research is library research.

The writing of this study summarizes five chapters, starting with the first chapter which is an introduction to this study. The three objectives of this study are discussed in the second, third and fourth chapters respectively, while the fifth chapter is the conclusion of this study. Among the matters discussed in this study is about the background of Tun Perak which starts from the early story of his life until his appointment as Bendahara of the empire Malacca, about Tun Perak's stature as a superior leader in the empire of Malacca and discussing the figure of Tun Perak as a driving force towards the progress of the Malacca. In general, this study discusses the figure of Tun Perak who contributed a lot as the chief administrator as Bendahara in the empire of Malacca and making Malacca as superior and famous empire in the world during 15th century.

Preliminary findings from this research show that Tun Perak was the Bendahara of Malacca for half a century and under four sultans. He held the title as "Paduka Raja" when he was the Bendahara of Malacca. During his administration, he managed to make Malacca the most famous empire in the world during 15th century.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGESAHAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii-viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI FOTO	x
SENARAI PETA	xi
BAB 1: PENDAHULUAN	1-11
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1-2
1.3 Objektif Kajian	2-3
1.4 Kepentingan Kajian	3
1.5 Sorotan Literatur	3-8
1.6 Kaedah Kajian	8-9
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Pembahagian Kajian	9-10
1.9 Kesimpulan	10-11
BAB 2: SEJARAH LATAR BELAKANG TUN PERAK	12-33
2.1 Pengenalan	12
2.2 Latar Belakang Tun Perak	12-19
2.3 Hidup Sebagai Pegawai Istana	19-20
2.4 Memegang Jawatan Bendahara	20-24
2.5 Sifat dan Peribadi Tun Perak	25-33
2.5.1 Karisma Kepimpinan Tun Perak	25
2.5.2 Bersemangat Waja	25-27
2.5.3 Bijaksana	27-29
2.5.4 Berpandangan Jauh	29-30

2.5.5	Berwibawa	30-32
2.5.6	Berakhlak Mulia	32-33
2.6	Kesimpulan	33

BAB 3: KETOKOHAN TUN PERAK SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN YANG UNGGUL DALAM KESULTANAN MELAYU MELAKA PADA ABAD KE-15 MASIHI	34-51
--	-------

3.1	Pengenalan	34
3.2	Latar Keturunan dan Kekeluargaan	34-36
3.3	Mengasah Bakat Kepimpinan	36-38
3.4	Ketokohan Tun Perak sebagai Bendahara Kerajaan Melaka	38-40
3.5	Ketokohan Tun Perak sebagai Pembesar Islam di Melaka	40-46
3.6	Tun Perak Menjadi Cerminan Pemimpin di Masa Hadapan	46-50
3.7	Kesimpulan	50-51

BAB 4: TUN PERAK SEBAGAI PENGGERAK KEPADA KEMAJUAN KERAJAAN MELAKA PADA ABAD KE-15 MASIHI	52-72
--	-------

4.1	Pengenalan	52
4.2	Penaklukan dan Perluasan Kuasa oleh Tun Perak	52-55
4.3	Inovasi yang Dilakukan oleh Tun Perak pada Kerajaan Melaka	55-57
4.4	Peranan Tun Perak dan Hang Tuah dalam Memperkukuh Empayar Melaka	58-61
4.5	Tun Perak Sebagai Pengendali Diplomatik dalam Kerajaan Melaka	61-67
4.6	Usaha Tun Perak dalam Menjamin Keselamatan Laluan Selat Melaka	67-72
4.7	Kesimpulan	72

BAB 5: KESIMPULAN	73-79
--------------------------	-------

RUJUKAN	80-82
----------------	-------

SENARAI JADUAL

	halaman
Jadual 1.1: Sultan dan Bendahara Kerajaan Melaka (1403-1511)	21



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO

	halaman
3.1 Bendahara Tun Perak	12
Foto 1.2: Sultan Muzaffar Shah	13
Foto 1.3: Sultan Mansur Shah	13
Foto 1.4: Sultan Alauddin Riayat Shah	14
Foto 1.5: Sultan Mahmud Shah	14
Foto 3.1: Syed Abdul Aziz bersembahyang di Pantai Melaka pada tahun 1414 M.	42
Foto 4.1: Laksamana Zheng He (Cheng Ho)	64



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

	halaman
Peta 3.1: Penyebaran Agama Islam di Alam Melayu pada Abad ke-15 dan 16	46
Peta 4.1: Pelayaran Laksamana Zheng He sebanyak tujuh kali ke Asia Tenggara, Asia Barat dan Afrika. Setiap pelayarannya akan singgah di Melaka	64-65



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Semasa zaman kegemilangan Melaka sebagai sebuah empayar, para sejarawan sering mengaitkannya dengan ciri-ciri geografi kerajaan Melaka sebagai faktor utama yang membawa kejayaannya menjadi sebuah empayar yang unggul pada abad ke-15 Masihi. Hal ini kerana, kedudukannya yang terletak di antara China dengan India serta bebas daripada angin monsun barat daya dan timur laut menjadikan kerajaan Melaka sebagai sebuah pelabuhan entrepot yang paling berjaya di alam Melayu pada ketika itu. Tambahan lagi, kekayaan sumber alam yang terdapat di Melaka seperti lada hitam, sarang burung, kayu sapan dan bunga cengkih ini menjadi komoditi utama bagi penjanaan utama kekayaan Melaka sebagai kerajaan perdagangan.

Kajian ini akan membincangkan peranan Tun Perak sebagai seorang Bendahara Melaka kerana beliau adalah yang bertanggungjawab mentadbir negeri Melaka sehingga kerajaan Melaka ini berjaya muncul sebagai sebuah empayar yang termasyhur di seluruh dunia pada abad ke-15 M. Secara tidak langsung, kajian ini memperlihatkan bahawa gelaran yang diberikan kepada Tun Perak sebagai sosok pemimpin terbaik dalam era Kesultanan Melayu Melaka tetap signifikan sehingga ke hari ini. Kajian ini akan memperlihatkan dengan lebih terperinci mengenai ketokohan Tun Perak yang akan meliputi aspek politik, pentadbiran, ekonomi dan sosial.

1.2 Permasalahan Kajian

Peranan Tun Perak sebagai Bendahara sememangnya merupakan asas dan faktor penting dalam memandu Melaka ke arah pencapaian sebagai sebuah empayar yang unggul pada abad ke-15 M. Ketokohan Tun Perak sebagai Bendahara Kesultanan Melayu Melaka telah menyumbang kepada kegemilangan kerajaan Melaka suatu ketika dahulu. Tun Perak merupakan individu yang memperkasa dan menggerakkan jawatan Bendahara untuk lebih berwibawa sehingga dapat menjadikan Melaka sebagai sebuah empayar yang terbilang di bawah pemerintahan para sultan yang tidak kurang hebatnya.

Selama 52 tahun Tun Perak mentadbir Melaka, banyak kemajuan yang dilakukan oleh beliau dan tiada kuasa luar yang boleh menandingi kekuatan ekonomi, politik, sosial serta ketenteraanya yang dibinanya demi kelangsungan empayar Melaka. Selain itu, semasa era pemerintahannya juga dapat dilihat kadar pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta pembinaan institusi politik empayar Melaka serta tanah-tanah jajahannya telah berada pada tahap yang cemerlang dan gemilang. Oleh kerana itu, semasa zaman Tun Perak inilah Melaka dikatakan telah mencipta zaman keemasan dalam keseluruhan perjalanan sejarah Kesultanan Melayu Melaka.

- I. Siapakah Bendahara Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka?
- II. Sejauhmanakah ketokohan Tun Perak sebagai seorang pemimpin yang unggul dalam Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 M.?
- III. Bagaimanakah cara kepimpinan Tun Perak sehingga beliau digelar sebagai penggerak kepada kemajuan kerajaan Melaka?

1.3 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif dalam kajian ini iaitu objektif yang pertama adalah untuk melihat latar belakang Tun Perak yang bermula dari kisah awal kehidupan beliau sehinggalah pelantikan beliau sebagai Bendahara Melaka. Sejajar dengan itu, kajian ini akan mengkaji dengan lebih terperinci mengenai latar belakang beliau sehingga beliau diangkat menjadi tokoh pemimpin yang unggul dalam empayar Melaka pada abad ke-15 M.

Seterusnya, objektif yang kedua ialah untuk mengetahui sejauhmanakah ketokohan Tun Perak sebagai seorang tokoh pemimpin yang unggul dalam Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 M. Hal ini sejajar, dengan pengiktirafan Tun Perak yang telah dianggap sebagai antara tiga orang pentadbir yang teragung di alam Melayu disebabkan beliau banyak memberi sumbangan dan kejayaan kepada kegemilangan Melaka sepanjang era pentadbirannya.

Objektif yang terakhir adalah untuk mengkaji kepimpinan Tun Perak sebagai penggerak ke arah kemajuan dalam kerajaan Melaka. Hal ini kerana, Bendahara berperanan selaku pembuat dan pelaksana dasar kerajaan serta sebagai pembuat keputusan yang menentukan hala tuju dan masa depan kerajaan Melaka. Sepanjang memegang jawatan sebagai Bendahara,

Tun Perak banyak melakukan inovasi terhadap pentadbiran, ekonomi, politik dan sosial kerajaan Melaka bagi memastikan agar Melaka terus maju sejajar dengan peredaran zaman.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini mengenai sumbangan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka semasa era pentabirannya berjaya mengubah dan memajukan Melaka. Antara kepentingan kajian ini ialah melihat bagaimana kemunculan Tun Perak dalam memimpin Melaka sehingga diangkat menjadi tokoh empayar Melaka dan bagaimana Tun Perak sebagai Bendahara Melaka berjaya mengurus dan memajukan politik, ekonomi dan sosial empayar Melaka sehingga Melaka mampu muncul sebagai sebuah empayar yang unggul pada abad ke-15 M.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk melihat sumbangan Tun Perak semasa memimpin Melaka sehingga Melaka berjaya muncul sebagai sebuah empayar global. Bukan itu sahaja, malah kepentingan kajian ini adalah untuk melihat kebijaksanaan beliau dalam memimpin kerajaan dan rakyat Melaka pada ketika itu. Contohnya seperti, melindungi Melaka daripada serangan Siam dan kehebatan beliau dalam menjalin hubungan diplomasi dengan negara lain sehingga Melaka berjaya meluaskan jajahan takhluknya, di samping mempunyai hubungan antarabangsa yang baik dengan negara-negara lain.

Kepentingan kajian ini juga dapat dilihat sebagai rujukan tambahan kepada pengkaji lain tentang Tun Perak. Kajian ini tertumpu kepada sumbangan Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Melalui kajian ini, kita dapat lihat sejauhmanakah peranan Tun Perak dalam mengubah dan memajukan Melaka dalam aspek politik, ekonomi dan sosial sehingga Melaka berjaya mencapai puncak kejayaannya iaitu menjadi sebuah empayar yang unggul dan disegani pada abad ke-15 M.

1.5 Sorotan Literatur

Dalam sorotan literatur ini, pengkaji akan mengemukakan bentuk-bentuk kajian yang terdiri daripada buku dan artikel jurnal yang boleh dijadikan sebagai nilai tambah dalam kajian yang dihasilkan.

Penulisan A. Samad Ahmad, yang bertajuk *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* (2019)¹ adalah satu karya buku berkenaan sejarah yang menyentuh secara keseluruhan mengenai kebangkitan, kegemilangan dan kejatuhan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Penulisan buku ini menunjukkan beberapa kelainan yang jelas dan penulisan ini adalah lebih dekat dengan karya asal iaitu *Sejarah Melayu* jika dibandingkan dengan penulisan lain seperti penulisan Shellabear, Abdullah Munshi dan Winstedt dan lain-lain. Selain itu, dalam bahagian "Prolog"² dan "Epilog"³ buku ini, penulis telah membuat kajian dengan mendalam dan memberikan beberapa contoh kesilapan yang dilakukan oleh penulis versi *Sejarah Melayu* sebelum ini, terutamanya tentang kesilapan mentranskripsikan ejaan jawi yang menyebabkan fahaman dan maknanya berubah. Dalam buku ini juga, ada beberapa bab yang menyentuh mengenai Tun Perak sebelum dan selepas menjadi Bendahara kerajaan Melaka.

Penulisan buku hasil karya Mohd Jamil Mukmin yang bertajuk *Melaka: Pusat Penyebaran Islam di Nusantara* (1994).⁴ Hasil penulisan buku ini adalah membincangkan mengenai peranan dan perkembangan agama islam di Melaka yang merupakan satu peristiwa penting dan bersejarah. Hal ini kerana, ekoran daripada perkara itulah sebahagian besar penduduk Malaysia pada hari ini menganut agama islam dan menjadi agama rasmi di Malaysia. Tun Perak yang memegang jawatan Bendahara pada ketika itu berperanan untuk mengembangkan kerajaan Melaka sebagai tunggak penyebaran agama Islam di Nusantara. Atas usaha beliau ini, Melaka berjaya menjadi benteng Islam yang kukuh pada abad ke-15 M. di Nusantara.⁵

Seterusnya, penulisan buku Muhammad Yusoff Hashim yang bertajuk *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara* (1992).⁶ Berdasarkan penulisan buku ini, mengikut Sejarah Melayu, Melaka adalah sebuah kerajaan Melayu yang teguh dan stabil di bawah satu susunan politik tradisional. Pusat kekuasaan terletak pada tangan Sultan namun,

¹ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu*, Edisi Pelajar, Cetakan Ke-21, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2019.

² *Ibid.*, hlm. 21 (XXI)-33 (XXXIII).

³ *Ibid.*, hlm. 313-330.

⁴ Mohd Jamil Mukmin, *Melaka: Pusat Penyebaran Islam di Nusantara*, Melaka: Institusi Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), 1994.

⁵ *Ibid.*, hlm. 78-122.

⁶ Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992

pentadbirannya dibantu oleh para pembesar yang lain seperti Bendahara, Laksamana, Temenggung dan beberapa orang Syahbandar. Tanggungjawab Bendahara adalah lebih kurang sama dengan peranan Perdana Menteri sekarang. Bendahara juga berfungsi sebagai penasihat utama kepada sultan. Dalam sejarah Melaka ada dua orang Bendahara yang berwibawa iaitu Bendahara Tun Perak dan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Penulis menyatakan bahawa, Tun Perak adalah sosok pemimpin yang mahir dalam bidang pentadbiran, diplomasi dan dalam peperangan. Beliau juga dilihat sebagai satu sosok pemimpin yang dilihat sentiasa ingin memajukan Melaka semasa era pentadbirannya.⁷

Selain itu, juga buku hasil karya Muhammad Yusoff Hashim yang bertajuk *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 dan Abad Ke-16 dalam Sejarah Malaysia* (1990)⁸, merupakan satu buku yang membincangkan sejarah Kesultanan Melayu Melaka secara keseluruhan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Dalam penulisan buku ini dibagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pensejarahan dan bahagian sejarah yang menerangkan sejarah Melaka itu sendiri dan Melaka dalam pensejarahan Malaysia serta pensejarahan serantau. Selain itu, antara kelainan yang dipamerkan dalam penulisan buku ini adalah ianya mengaitkan antara kerajaan Melaka itu dengan masyarakat Malaysia masa kini. Hal ini kerana, persepsi umum sering melihat Kesultanan Melayu Melaka dalam aspek yang hanya menonjol seperti perang dan pemerintahan atau peristiwa-peristiwa dramatis yang lain.⁹

Seterusnya, penulisan Prof. Emeritus Dato Dr. Mohd. Yusoff Hashim yang bertajuk *Tun Perak Dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa* (2008)¹⁰ adalah satu buku yang membincangkan mengenai Tun Perak daripada aspek ketamadunan bangsa yang menjadi tonggak kepada empayar Melaka pada abad ke-15 M. Secara amnya, penulis memaparkan penulisan tentang kehidupan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka yang berkhidmat di bawah empat orang Sultan dan berjaya menjadikan Empayar Melaka sebagai sebuah empayar yang disegani di dunia sehingga menjadi rebutan negara-negara Eropah.

⁷ *Ibid.*, hlm. 173.

⁸ Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka, Kajian Beberapa Aspek Tentang Melaka Pada Abad Ke-15 dan Abad Ke-16 dalam Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

⁹ *Ibid.*, hlm. 20 (XX).

¹⁰ Prof. Emeritus Dato Dr. Mohd. Yusoff Hashim, *Tun Perak Dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), 2008.

Penulisan Mohd Samsudin, Suffian Mansor dan Mohd Jamil Mukmin yang bertajuk *Tun Perak: dalam Pemerintahan dan Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka* (2019)¹¹ juga antara buku yang menyentuh mengenai sejarah Tun Perak. Buku ini membincangkan peranan yang dimainkan oleh Bendahara Tun Perak dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Tun Perak adalah sosok yang tidak asing lagi dalam sejarah Melaka kerana beliau adalah tokoh yang memainkan peranan penting dalam menjadikan Melaka sebagai sebuah empayar yang unggul dan disegani di seluruh dunia pada abad ke-15 M. Secara amnya, penulisan buku ini mempamerkan peranan dan sumbangan Tun Perak sebagai Bendahara Melaka. Di samping itu, melalui penulisan buku ini ianya dapat menjadi satu platform pengetahuan mengenai Tun Perak kepada pembaca dan pengkaji lain, memandangkan belum banyak hasil penyelidikan baru mengenai Tun Perak.¹²

Manakala, antara penulisan artikel yang membincangkan mengenai Tun Perak ada seperti penulisan A. Halim Ali dan Abdul Malik yang bertajuk *Ciri-ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak dalam Pembentukan Model Kepimpinan Berintegriti* (2021).¹³ Artikel ini membincangkan nilai bijaksana Bendahara Tun Perak yang tergambar pada tiga sifat utamanya iaitu akal budi, kepandaian dan sikap berhati-hati. Nilai bijaksana Tun Perak juga turut memancarkan lapan ciri kepimpinan yang dapat dijadikan contoh kepimpinan berintegriti yang boleh diketengahkan dalam kepimpinan masyarakat dan negara pada hadapan. Oleh itu, kebijaksanaan dan kehebatan kepimpinan Tun Perak perlu dijemakan dalam bentuk model agar dapat dirujuk dan dijadikan panduan memilih, mencorak dan melantik pemimpin yang bakal memimpin masyarakat dan negara.¹⁴

Seterusnya, penulisan Al-Amril Othman dan Mohamad Rodzi Abd. Razak yang bertajuk *Pimpinan dan Pembinaan Negara Bangsa: Ketokohan Tun Perak Berdasarkan Teks Sulalat Us-Salatin Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah* (2016).¹⁵ Artikel ini membincangkan ketokohan

¹¹ Mohd Samsudin, Suffian Mansor, Mohd Jamil Mukmin, *Tun Perak: dalam Pemerintahan dan Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 2019.

¹² *Ibid.*, hlm. 12-16.

¹³ A. Halim Ali, Abdul Malik, Ciri-ciri Bijaksana Bendahara Tun Perak dalam Pembentukan Model Kepimpinan Berintegriti, *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Vol. 12, No.1, 2021.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 26-27.

¹⁵ Al-Amril Othman, Mohamad Rodzi Abd. Razak, *Pimpinan dan Pembinaan Negara Bangsa: Ketokohan Tun Perak Berdasarkan Teks Sulalat Us-Salatin Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah*, Seminar Antarabangsa Ketokohan Tun Perak Muzium Warisan Akademik UKM & Institut Kajian Sejarah & Patriotisme (IKSEP), Pada 17 Oktober, 2016.

Tun Perak berdasarkan konteks sosiobudaya dan sistem politik tradisional Melayu. Tun Perak begitu menonjol, baik secara tersirat mahupun tersurat sebagai tokoh agung dalam kapasitasnya yang menjadikannya sebagai pemimpin yang cekap dan pahlawan yang berani bagi mewakili citra orang Melayu melalui Kesultanan Melaka sebagai pendokong citra tersebut. Di samping itu, kelainan pada penulisan ini adalah ianya menggunakan kaedah keupayaan memori kolektif orang Melayu yang dapat melakar masa zaman Tun Perak menerusi penerapannya dalam konteks masa kini, baik dari sudut pengabdian nama mahupun pengajaran dan teladan yang dapat diperolehi daripadanya dan kaedah ini menimbulkan pertikaian dalam kalangan sejarawan.¹⁶

Penulisan artikel oleh Jelani Harun yang bertajuk *Sulalatus Salatin and Tun Perak's Charisma in the Practice of the Laws of Nusantara Multiethnic Society* (2016)¹⁷ merupakan satu artikel yang membahaskan perkara mengenai peranan dan ketegasan Tun Perak dalam amalan undang-undang kesultanan Melayu, sama ada terhadap masyarakat pelbagai etnik Nusantara ataupun dalam konteks masyarakat yang tinggal di Melaka, dan dalam isu-isu tentang kekerasan undang-undang yang bercampur-baur, bertimbang-tara dan berselirat dengan pelbagai peristiwa fitnah, hasutan dan rasuah yang boleh meruntuhkan sejarah peradaban Melayu berdasarkan penulisan Sulalatus Salatin.¹⁸

Selain itu, penulisan oleh Norazimah Binti Zakaria, Suhana Binti Sariff dan Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi yang bertajuk *Strategi Kepengarangan Melayu Ttadisi Sebagai Lambang Akal Budi Bangsa Yang Tinggi* (2016)¹⁹ merupakan satu penulisan artikel yang membincangkan mengenai pengarang Melayu tradisional yang memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk kewibawaan dan kepimpinan aksara yang dipilih dalam teks. Oleh itu, peranan pengarang Melayu tradisional amat penting dalam menghuraikan idea atau strategi untuk mengelak berlakunya peperangan watak yang dipilih dalam teks. Teks sastera sejarah yang

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 1-2.

¹⁷ Jelani Harun, *Sulalatus Salatin and Tun Perak's Charisma in the Practice of the Laws of Nusantara Multiethnic Society* (Sulalatus Salatin dan Karisma Tun Perak dalam Amalan Undang-Undang Masyarakat Pelbagai Etnik Nusantara), *Malay Literature*, Vol. 29, No. 1, 2016.

¹⁸ *Ibid.*, hlm. 42.

¹⁹ Norazimah Binti Zakaria, Suhana Binti Sariff dan Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi, *Strategi Kepengarangan Melayu Ttadisi Sebagai Lambang Akal Budi Bangsa Yang Tinggi*, *Journal of Education and Social Sciences*, Vol. 3, 2016.

dipilih seperti Sejarah Melayu yang menyentuh berkenaan tokoh Tun Perak dan Hikayat Hang Tuah merupakan contoh teks yang wajar diteliti untuk melihat tahap kewarasan yang tinggi dalam pemikiran pengarang tradisional yang telah maju dengan berfikir secara kreatif dan kritis.²⁰

1.6 Kaedah Kajian

Kaedah kajian merupakan satu kaedah yang akan digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data sebagai sandaran atau rujukan dalam hujahan penulisan kajian ini. Ia merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk menjawab permasalahan kajian dan mencapai objektif kajian ini. Hal ini berupaya menghasilkan data yang dapat membantu pengkaji memahami dengan lebih terperinci mengenai topik kajian yang dipilih dan kaedah menganalisis yang tepat berdasarkan proses kajian.

Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini ialah kaedah pengumpulan data. Pengkaji akan mengumpul maklumat dan seterusnya akan mentafsir data-data tersebut berdasarkan kaedah penyelidikan. Pengkaji akan menggunakan kajian perpustakaan (*library research*) bagi mengumpul data berkaitan. Pengkaji menggunakan kaedah pencarian kepustakaan yang melibatkan pencarian maklumat di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dalam kaedah perpustakaan ini, pengkaji mendapatkan maklumat dan data melalui sumber sekunder dari perpustakaan. Kaedah ini penting bagi mendapatkan maklumat dan data yang tepat daripada sumber sekunder di perpustakaan. Pengkaji telah hadir ke perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mengumpul dan menganalisis buku-buku, jurnal, majalah, ensiklopedia dan sebagainya yang berkaitan dengan isu yang dibangkitkan dalam kajian ini. Kaedah ini dapat membantu pengkaji untuk menambah sumber dan menguatkan lagi hujah semasa melaksanakan penulisan kajian.

Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah melayari internet untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan tajuk atau isu yang dipilih oleh pengkaji. Sumber-sumber yang berbentuk artikel jurnal dan penulisan tesis adalah salah satu bahan yang diperoleh daripada internet dan dijadikan bahan sorotan serta panduan untuk mencari dan mengumpul maklumat

²⁰ *Ibid.*, hlm. 137.

bagi dianalisis dan dinilai bagi menjawab permasalahan dan objektif yang telah dinyatakan dalam kajian ini.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini akan tertumpu kepada sumbangan dari segi politik, ekonomi dan sosial oleh Tun Perak dalam empayar Melaka sebagai Bendahara yang meliputi aspek latar belakang beliau yang bermula dari kisah awal kehidupan beliau sehinggalah beliau dilantik sebagai Bendahara Melaka serta, faktor kejayaan Tun Perak dalam memimpin Melaka baik dari segi cara pentadbiran beliau serta strategi yang digunakan oleh beliau sehingga Melaka mencapai puncak kejayaannya dalam perdagangan, hubungan diplomatik dan peluasan tanah jajahan selama beliau menjadi Bendahara dalam empayar Melaka. Skop tahun yang telah ditentukan oleh pengkaji dalam kajian adalah pada abad ke-15 M. Manakala, skop tempat yang ditentukan oleh pengkaji adalah empayar Kesultanan Melayu Melaka.

1.8 Pembahagian Kajian

Penulisan kajian ini terbahagi kepada lima bab utama. Setiap bab akan membincangkan topik yang berlainan mengikut objektif yang telah ditetapkan, tetapi masih berada di dalam lingkungan tajuk utama yang sama iaitu berkenaan Tun Perak dalam kerajaan Melaka. Perkara ini bagi memudahkan pengkaji untuk membincangkan berkenaan topik yang ingin dikaji dan penyusunan maklumat yang teratur mengikut objektif kajian yang telah disenaraikan. Selain itu, pembahagian bab ini akan turut memudahkan pembaca untuk memahami setiap bab dalam kajian dengan lebih terperinci.

Dalam bab satu, akan menyentuh tentang pengenalan kepada tajuk kajian yang akan dikaji. Dalam bab pertama ini mengandungi pengenalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, sorotan literatur, kaedah kajian, skop kajian, pembahagian kajian dan kesimpulan. Bab pertama ini juga merupakan panduan dan pendedahan awal tentang tajuk utama yang akan dikaji dalam penulisan ini.

Dalam bab kedua, akan menghuraikan objektif kajian yang pertama iaitu berkenaan latar belakang Tun Perak yang bermula dari kisah awal kehidupan beliau sehinggalah pelantikan beliau sebagai Bendahara Kerajaan Melaka. Bermula sebagai Penghulu Klang, pelantikan ini

menjadi titik permulaan kerjaya politik beliau, sehinggalah beliau berjaya mendapat kepercayaan daripada Sultan Muzaffar Shah untuk melantik beliau sebagai Bendahara Melaka dengan gelaran Paduka Raja. Selain itu, dalam bab ini juga akan menyatakan dengan terperinci bagaimana pengaruh pendidikan dan ilmu dalam agama islam yang diperoleh oleh beliau mempengaruhi tindak tanduknya selaku Bendahara Melaka dalam memimpin Melaka.

Dalam bab ketiga, pengkaji akan memfokuskan kepada objektif kajian yang kedua iaitu membincangkan sejauhmanakah ketokohan Tun Perak sebagai seorang tokoh pemimpin yang unggul dalam Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 M. Ketokohan Tun Perak dapat dilihat dalam bidang pentadbiran dengan kejayaan yang dibawa oleh Tun Perak dalam memimpin Melaka baik dari segi cara pentadbiran mahupun strategi yang digunakan oleh beliau sehingga Melaka mencapai puncak kejayaannya selama beliau menjadi Bendahara dalam empayar Melaka pada abad ke-15 M.

Seterusnya dalam bab keempat, pula akan memperincikan oobjektif kajian ketiga iaitu membincangkan kepimpinan Tun Perak sebagai penggerak ke arah kemajuan dalam kerajaan Melaka. Gaya kepimpinan beliau menyebabkan Melaka berjaya melebarkan penguasaannya di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, pantai timur Sumatera hingga ke kawasan Riau-Lingga-Tungkal sepanjang laluan Selat Melaka. Di zaman beliau ini jugalah Melaka mengalami zaman keemasannya dan dijadikan sebagai emporium antarabangsa utama dalam hal perdagangan atas jasa bakat dan kebijaksanaan yang dianugerahi oleh Allah SWT kepada Tun Perak.

Akhir sekali, bab kelima iaitu bab terakhir yang merupakan rumusan atas keseluruhan kajian yang telah dibuat. Pengkaji akan memberikan analisis terhadap hasil keseluruhan kajian berkenaan penulisan kajian ini.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, Tun Perak yang merupakan Bendahara Paduka Raja Melaka telah mencipta sejarah sebagai orang masyhur dalam kepimpinan empayar Melaka. Beliau berjaya membina Melaka sebagai antara sebuah empayar yang disegani di dunia pada abad ke-15 M. Hal ini boleh dikatakan bahawa Tun Perak merupakan *great man* pada zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka. Karisma kepimpinan yang dimilikinya dalam mentadbir Melaka dan warisan kepimpinan

daripada keturunannya sendiri menjadi salah satu faktor yang membawa kepada kegemilangan Melaka. Oleh itu, benarlah kenyataan R.O. Winstedt bahawa Tun Perak ialah "Perancang dasar imprealisme Melaka di Malaya dan Sumatera bagi lebih dari tiga pemerintahan". Kegemilangan Melaka bukan sahaja ditandai oleh sultan yang memerintah tetapi peranan Bendaharanya iaitu Tun Perak yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan terbilang menjadikan Melaka muncul sebagai sebuah empayar yang unggul pada abad ke-15 M.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 2

SEJARAH LATAR BELAKANG TUN PERAK

2.1 Pengenalan

Bab dua ini akan membincangkan tentang latar belakang Tun Perak bermula dengan jurai keturunannya, kehidupan sebagai pegawai istana sehingga beliau berjaya memegang jawatan Bendahara dalam kerajaan Melaka. Dalam bab ini juga akan menyentuh sifat dan peribadi Tun Perak sebagai Bendahara Paduka Raja di Melaka.

2.2 Latar Belakang Tun Perak

Tun Perak adalah nama yang tidak asing lagi dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Namanya muncul sebagai sebahagian daripada keluarga elit Melaka yang terkenal pada abad ke-15 setelah berkhidmat selama hampir setengah abad dengan cemerlangnya di bawah pemerintahan empat orang sultan Melaka iaitu Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah. Semasa berada di bawah keempat-empat zaman kesultanan ini, Tun Perak telah berjaya membina empayar Melaka sebagai sebuah empayar yang disegani di dunia sebelah timur pada ketika itu. Mengikut *Sejarah Melayu* versi Raffles, Tun Perak telah dilahirkan dan dibesarkan di negeri Melaka. Beliau merupakan anak jati negeri Melaka. Susur galur keturunan Tun Perak dikatakan bersalasilahkan daripada keturunan anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain. Tun Perak adalah anak kepada Tun Perpatih Sedang iaitu Bendahara Melaka sebelum Tun Ali.

